



NEGERI SELANGOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 49  
No. 18

29hb Ogos 1996

*TAMBAHAN No. 11  
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 34.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL KERJA DI JALAN 1996

## SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

Undang-  
Undang  
Kecil

1. Nama dan pemakaian.
2. Tafsiran.

### BAHAGIAN II

#### KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN PEMASANGAN

3. Kebenaran dikehendaki.
4. Borang permohonan.
5. Orang yang boleh mengemukakan permohonan.
6. Pelan.

Undang-  
Undang  
Kecil

7. Ulasan pihak-pihak berkuasa lain.
8. Fee.
9. Cagaran.
10. Tajuk dan tandatangan.
11. Tanggungjawab bagi kerja.
12. Pengawasan Kerja.
13. Pelan-pelan hendaklah dikemukakan dalam tiga salinan.
14. Saiz dan warna.
15. Pelan petunjuk dan tapak dikehendaki.
16. Spesifikasi.
17. Tempoh keesahan.
18. Pelan "siap bina".

### BAHAGIAN III

#### KEHENDAK TENTANG PENEMPATAN

19. Kemudahan yang tidak ditempatkan mengikut pelan.
20. Koridor bagi kemudahan.
21. Jalan utama penting.
22. Jalan pengumpul.
23. Jalan perdagangan.
24. Lorong belakang.
25. Kemudahan di pinggir jalan raya.
26. Liku jalan.
27. Persilangan.
28. Jambatan.
29. Perlengkapan bawah tanah.
30. Perlengkapan atas paras tanah.
31. Tiang dawai atas.
32. Kabel bagi lampu jalan dan lampu isyarat.
33. Penempatan kemudahan di bawah parit utama atau parit tepi jalan.
34. Paip perhubungan air.
35. Kabel, dsb., berbilang bagi apa-apa kemudahan.
36. Kedalaman dan kekuatan kabel, dsb., bawah tanah.

JADUAL.

## AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

## UNDANG-UNDANG KECIL KERJA DI JALAN 1996

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 133, Akta Akta 133.  
 Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Pihak Berkuasa Negeri membuat  
 undang-undang kecil yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Kerja Di Jalan 1996** dan hendaklah terpakai bagi pemasangan apa-apa kemudahan di sepanjang, melintasi, melalui, di atas, pada atau di bawah mana-mana jalan dalam kawasan pihak berkuasa tempatan di Negeri Selangor. Nama dan pemakaian.

2. (1) Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“Akta” ertinya Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974;

“aktiviti industri” adalah termasuk, tetapi tidak terhad kepada, aktiviti pengilangan, pemprosesan, penggudangan, pelabuhan atau yang berhubungan dengan pengangkutan;

“jalan industri” ertinya jalan yang di majoriti premis bidang hadapannya aktiviti industri dijalankan;

“jalan khidmat” ertinya jalan yang bersebelahan dengan lebuh raya atau jalan utama atau jalan pengumpul, sama ada atau tidak dipisahkan oleh kawasan penampakan, dan yang memberikan akses kepada premis bidang hadapan;

“jalan pengumpul” ertinya jalan yang mengumpul dan mengagihkan lalu lintas di antara jalan-jalan tempatan dengan jalan utama penting dan mengadakan akses kepada premis yang berdampingan, dan, sungguhpun tidak sebagai fungsi utamanya, berfungsi sebagai jalan untuk pergerakan lalu terus;

“jalan perdagangan” ertinya jalan yang majoriti premis bidang hadapannya ialah premis perdagangan;

“jalan perumahan” ertinya jalan yang majoriti premis bidang hadapannya ialah premis perumahan;

“jalan tempatan” ertinya jalan yang menyediakan akses secara terus kepada kawasan perumahan, perdagangan dan industri dan harta-harta lain yang berdampingan;

“jalan utama” ertinya jalan bagi aliran lalu lintas terus yang menghubungkan kawasan-kawasan yang menghasilkan jumlah lalu lintas yang tinggi dengan lebuhraya dan membolehkan dikumpulkan dan diagihkan lalu lintas terus dari dan ke jalan pengumpul;

“kemudahan” ertinya elektrik, rel, gas, air atau telekomunikasi dan perkhidmatan yang berkaitan dengannya, dan termasuklah—

- (a) apa-apa parit, pili bomba, longkang atau terusan pengairan, peti surat pejabat pos atau landasan keretapi; dan
- (b) apa-apa tiang, paip, konduit, kabel, talian atau cara lain yang dengannya apa-apa benda dibawa bagi apa-apa maksud;

“kemudahan utama” ertinya kemudahan yang darinya sambungan khidmat ke premis individu tidak dibenarkan;

“Kerajaan Negeri” ertinya Kerajaan Negeri Selangor;

“kerja”, berhubungan dengan mana-mana kemudahan, ertinya pemasangan kemudahan itu dan termasuklah apa-apa pengorekan atau perbuatan yang berkaitan dengan atau bersampingan dengan pemasangan itu;

“kerja-kerja kecil” ertinya penyambungan kemudahan ke premis individu dari sesalur utama kemudahan di jalan yang dihadapi oleh premis itu;

“lorong belakang” termasuklah lorong sisi;

“orang berkeelayakan” ertinya seseorang jurutera yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pendaftaran jurutera dan termasuklah jurutera yang berkhidmat dengan Kerajaan Persekutuan atau sesuatu Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan;

“paras muatan parit” ertinya paras air apabila parit mengalir penuh tanpa melimpah ke tebing atau dinding sisinya;

“pemasangan” termasuklah—

- (a) perbuatan meletakkan, membawa, membaharui, menempatkan semula, mengganti, melencongkan, membaiki, atau menservis secara keseluruhan atau sebahagian mana-mana kemudahan yang baru atau yang sedia ada; dan
- (b) apa-apa sambungan khidmat ke mana-mana bangunan individu;

“pengorekan” ertinya apa-apa perbuatan menggali atau mengeluarkan sesuatu di sepanjang, melintasi, melalui, di atas, pada atau di bawah mana-mana jalan bagi atau berkaitan dengan pemasangan apa-apa kemudahan;

“penyelia berkelayakan” ertinya orang berkelayakan yang mengemukakan permohonan di bawah undang-undang kecil 5 atau orang berkelayakan yang menggantikannya mengikut undang-undang kecil 11;

“perabot jalan” termasuklah apa-apa tanda lalu lintas, pulau lalu lintas, pemasangan lampu atau apa-apa struktur atau pemasangan lain yang digunakan untuk mengawalselia lalu lintas atau untuk memberikan amaran atau panduan kepada atau membantu pengguna jalan;

“persilangan” ertinya lokasi di mana dua kemudahan atau lebih bertemu atau satu kemudahan menindih satu kemudahan lain;

“pihak berkuasa jalan” ertinya Jabatan Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia atau sesuatu pihak berkuasa tempatan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang mempunyai bidang kuasa ke atas sesuatu jalan;

“pihak berkuasa kemudahan”, berhubungan dengan mana-mana kemudahan, termasuklah pemunya atau penerima pajak atau pengendali kemudahan itu;

“pihak berkuasa tempatan” ertinya sesuatu pihak berkuasa tempatan yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain; Akta 171.

“tukang berdaftar”, berhubungan dengan sesuatu tred, ertinya orang yang diiktiraf oleh sesuatu badan atau lembaga yang ditubuhkan melalui statut bagi maksud mengawal atau mengawalselia orang-orang dalam tred itu, atau jika tiada badan atau lembaga sedemikian, orang yang diiktiraf oleh sesuatu pihak berkuasa kemudahan bagi maksud menjalankan sambungan atau kerja yang perlu bagi kemudahan itu.

(2) Ungkapan “orang” dan “jalan” hendaklah mempunyai masing-masing erti yang diberikan kepadanya dalam Akta.

## BAHAGIAN II

### KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN PEMASANGAN

3. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan pemasangan apa-apa kemudahan di sepanjang, melintasi, melalui, di atas, pada atau di bawah mana-mana jalan di dalam sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis pihak berkuasa tempatan itu. Kebeneran  
dikehendaki.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

4. Tiap-tiap permohonan untuk mendapatkan kebenaran yang dikehendaki bawah undang-undang kecil 3 hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama. Borang  
permohonan.

Orang yang boleh mengemukakan permohonan.

5. (1) Tiap-tiap permohonan untuk mendapatkan kebenaran yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil 3 hendaklah dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan oleh seorang orang berkelayakan.

(2) Walau apa pun perenggan (1), sesuatu permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk menjalankan kerja-kerja kecil di sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan boleh dikemukakan oleh seorang tukang berdaftar.

Pelan.

6. (1) Tiap-tiap permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk menjalankan pemasangan kemudahan, selain kerja-kerja kecil, hendaklah disertakan dengan pelan yang hendaklah mematuhi undang-undang kecil 13, 14 dan 15 dan mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah seksyen 70A Akta.

(2) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk menjalankan kerja-kerja kecil di sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan hendaklah disertakan dengan pelan tapak dan apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh pihak berkuasa tempatan itu.

Ulasan pihak-pihak berkuasa lain.

7. (1) Jika mana-mana kemudahan akan dipasang—

(a) di sepanjang, melintasi, melalui, di atas, pada atau di bawah mana-mana jalan yang berada di bawah bidang kuasa mana-mana pihak berkuasa jalan selain pihak berkuasa tempatan; atau

(b) sebagai suatu lintasan bebas menyeberangi mana-mana kumpulan air di bawah kawalan mana-mana jabatan atau pihak berkuasa lain atau menyeberangi mana-mana landasan keretapi di bawah kawalan mana-mana syarikat keretapi,

dua set pelan yang disebut dalam undang-undang kecil 6 hendaklah dikemukakan kepada pihak berkuasa, jabatan atau syarikat itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk mendapatkan ulasan mereka.

(2) Ulasan pihak berkuasa, jabatan atau syarikat di bawah perenggan (1) hendaklah dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan bersama dengan permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk memasang kemudahan itu.

Fee.

8. (1) Semua permohonan yang dikemukakan bagi pemasangan apa-apa kemudahan hendaklah disertakan dengan fee yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Separuh daripada fee yang dibayar kepada pihak berkuasa tempatan di bawah perenggan (1) hendaklah dibayar balik apabila dipohon jika—

(a) permohonan itu ditarik balik sebelum kebenaran diberikan oleh pihak berkuasa tempatan itu; atau

(b) notis pembatalan pemasangan diterima oleh pihak berkuasa tempatan itu dalam masa satu tahun dari tarikh permohonan itu diberikan.

(3) Tiada fee kena dibayar oleh mana-mana pihak berkuasa kemudahan berkenaan dengan permohonan yang dikemukakan oleh pihak berkuasa itu bagi penempatan semula atau pelencongan kemudahannya dari kerja jalan, kerja perparitan atau kerja lanskap sesuatu pihak berkuasa tempatan jika penempatan semula atau pelencongan itu dikehendaki oleh pihak berkuasa tempatan itu atau Kerajaan Negeri.

(4) Sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh mengecualikan mana-mana pihak berkuasa kemudahan daripada pembayaran mana-mana fee.

9. (1) Sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh menghendaki mana-mana pemohon supaya memberikan cagaran dalam amaun yang mengikut pendapat pihak berkuasa tempatan itu, mencukupi untuk membolehkan pihak berkuasa tempatan itu menjalankan kerja pembaikan peringkat akhir jalan itu sekiranya pemohon tidak berbuat demikian.

Cagaran.

(2) Cagaran yang disebut dalam perenggan (1) hendaklah diberikan dengan mendepositkan wang tunai atau gerenti bank atau surat akujanji yang hendaklah kekal sah selama tempoh 24 bulan dari tarikh kerja siap.

(3) Sekiranya jalan itu tidak dibaiki sehingga memuaskan hati pihak berkuasa tempatan selepas kerja selesai, pihak berkuasa boleh membaiki jalan itu dan kos pembaikan itu boleh didapati—

(a) jika cagaran diberikan dalam bentuk wang tunai, dengan memotong amaun kos itu daripada wang tunai yang didepositkan; atau

(b) jika cagaran diberikan dalam bentuk gerenti bank atau surat akujanji, dengan membuat tuntutan menurut gerenti bank atau surat akujanji itu.

(4) Baki apa-apa wang tunai yang didepositkan di bawah perenggan (2) hendaklah dibayar balik kepada pemohon selepas dipotong amaun kos di bawah subperenggan (3)(a), jika ada.

10. (1) Semua permohonan dan pelan yang dikemukakan bagi maksud mendapatkan kebenaran yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil 3—

Tajuk dan tandatangan.

(a) hendaklah mengandungi tajuk yang, selain menyatakan jenis kemudahan yang dicadangkan hendak dipasang, hendaklah juga memberikan nama tiap-tiap jalan di mana pemasangan yang dicadangkan itu hendak dijalankan; dan

(b) ditandatangani oleh orang berkeelayakan atau tukang berdaftar yang mengemukakannya dan oleh pemunya kemudahan itu, dan hendaklah mengandungi nama dan alamat penuh orang berkeelayakan atau tukang berdaftar dan pemunya itu yang ditulis dengan huruf besar di bawah tandatangan mereka masing-masing.

(2) Cap profesional yang standard bagi orang berkelayakan yang disebut dalam subperenggan (i)(b) hendaklah dicapkan pada setiap pelan yang dikemukakan.

Tanggungjawab  
bagi kerja.

11. (1) Orang berkelayakan yang mengemukakan permohonan berkenaan dengan sesuatu pemasangan hendaklah bertanggungjawab bagi pelaksanaan yang sepatutnya kerja-kerja itu dan hendaklah terus bertanggungjawab sedemikian sehingga kerja-kerja itu siap.

(2) Walau apa pun perenggan (1), seseorang orang berkelayakan yang lain boleh, dengan persetujuan pihak berkuasa tempatan, mengambil alih tanggungjawab bagi pelaksanaan yang sepatutnya kerja-kerja berkenaan dengan pemasangan mana-mana kemudahan.

Pengawasan  
kerja.

12. Walaupun kebenaran telah diberikan oleh sesuatu pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan apa-apa pemasangan, tiada seorang pun boleh menjalankan pemasangan itu, kecuali kerja-kerja kecil, melainkan jika pemasangan itu diawasi oleh penyelia berkelayakan atau mana-mana orang yang diberikuasa oleh penyelia berkelayakan itu.

Pelan-pelan  
hendaklah  
dikemukakan  
dalam tiga  
salinan.

13. (1) Semua pelan berkenaan dengan sesuatu pemasangan hendaklah dikemukakan dalam tiga salinan, tetapi pihak berkuasa tempatan boleh menghendaki supaya dikemukakan salinan pelan itu dalam bilangan yang lebih banyak.

(2) Satu set pelan-pelan itu hendaklah dibuat di atas bahan yang tahan haus dan tahan lasak dan set itu, bersama dengan satu set lagi, hendaklah disimpan oleh pihak berkuasa tempatan; dan set yang ketiga hendaklah dikembalikan selepas keputusan dibuat tentang permohonan itu.

(3) Jika permohonan itu tidak diluluskan, pelan-pelan itu hendaklah dikembalikan dengan suatu pernyataan yang menerangkan sebab-sebab ia tidak diluluskan.

(4) Tiada apa-apa jua dalam Undang-Undang Kecil ini menghalang pengemukakan pelan-pelan tambahan jika pihak berkuasa kemudahan berpendapat bahawa dengan berbuat demikian kerja pihak berkuasa tempatan boleh dipercepat.

Saiz dan  
warna.

14. (1) Semua pelan yang dikemukakan hendaklah dalam ukuran A0 hingga A4 sahaja dan, jika lebih besar daripada ukuran A4, hendaklah dilipat menjadi ukuran A4.

(2) Pada semua pelan yang dikemukakan, semua kemudahan yang sedia ada dan setiap jenis kerja yang dicadangkan hendaklah diwarnakan supaya dapat dibezakan sesuatu kemudahan atau jenis kerja daripada yang lain.



15. (1) Semua pelan berkenaan dengan pemasangan apa-apa kemudahan hendaklah mengandungi—

Pelan  
petunjuk  
dan tapak  
dikehendaki.

(a) pelan petunjuk, dengan skala yang tidak kurang daripada 1:20.000, yang menunjukkan—

- (i) mata kompas utara;
- (ii) laluan pemasangan yang dicadangkan;
- (iii) tanda-tanda tempat atau nama jalan sedia ada untuk memudahkan pengesanan laluan yang dicadangkan; dan
- (iv) anggaran lokasi pelan tapak dengan memberikan nombor lukisan pelan tapak itu jika pemasangan itu melibatkan beberapa jalan;

(b) pelan tapak, dengan skala yang tidak kurang daripada 1:1000, yang menunjukkan—

- (i) mata kompas utara, jika pelan petunjuk tidak berada pada helai lukisan yang sama;
- (ii) garis aturan jalan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan;
- (iii) nama jalan di mana pemasangan yang dicadangkan itu hendak dijalankan;
- (iv) paras jalan pada tempat-tempat yang menonjol di sepanjang jalan (paras yang diberikan bolehlah garis pusat jalan bagi kemudahan yang dicadangkan);
- (v) laluan bagi pemasangan yang dicadangkan dan jarak pengimbang dari sempadan rizab jalan;
- (vi) bagi kemudahan bawah tanah, paras yang dicadangkan bagi kemudahan itu sama ada di puncak atau di lantai dasar bergantung kepada jenis kemudahan yang dicadangkan;
- (vii) bagi kemudahan atas, ketinggian minimum di atas paras permukaan jalan;
- (viii) lokasi kemudahan sedia ada yang bersebelahan di kedua-dua belah kemudahan yang dicadangkan;
- (ix) kedudukan bagi peti sambungan, lurang, bilik kawalan, tiang atau struktur tambahan dan kelengkapan lain yang berkaitan dengan setiap kemudahan yang dicadangkan;
- (x) kedudukan sungai, anak sungai, persimpangan bersilang, parit utama, jambatan, kemudahan utama atau landasan keretapi, dan ciri-ciri lain, sama ada yang sedia ada atau yang dirancangkan, yang mungkin direntasi oleh kemudahan yang dicadangkan; dan

- (xi) pokok, lorong kaki dan perabot jalan yang sedia ada di sepanjang dan di atas laluan pemasangan yang dicadangkan;
- (c) keratan rentas dan butir-butir tak standard lain yang hendaklah dilukis mengikut skala yang tidak kurang daripada 1:1000 dan hendaklah menunjukkan segala butir yang perlu yang berhubungan dengan kemudahan yang dicadangkan, termasuk ukuran kawasan yang hendak dikorek;
- (d) keratan membujur yang hendaklah dilukis mengikut skala yang tidak kurang daripada 1:1000 dan 1:100 menegak dan hendaklah menunjukkan—
  - (i) paras yang sedia ada dan yang dicadangkan;
  - (ii) rangkaian di sepanjang kemudahan yang dicadangkan;
  - (iii) kecuraman yang dicadangkan, jika berkenaan;
  - (iv) tanda-tanda rujukan di sepanjang laluan kemudahan yang dicadangkan;
  - (v) kedudukan dan dimensi ciri-ciri, seperti sungai dan jambatan, yang direntasi dan bagaimana kemudahan akan dipasang;
  - (vi) kedudukan kemudahan lain yang sedia ada yang akan direntasi.

(2) Penyelia berkelayakan atau pemunya kemudahan hendaklah memberi pihak berkuasa tempatan apa-apa maklumat tambahan yang dikehendaki oleh pihak berkuasa tempatan itu.

Spesifikasi.

16. Sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh menghendaki supaya pelan yang dikemukakan disertakan dengan spesifikasi bagi segala bahan yang dicadangkan hendak digunakan dalam kerja yang dicadangkan atau bagi apa-apa aspek lain kerja yang dicadangkan.

Tempoh keesahan.

17. (1) Tiap-tiap kebenaran yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini bagi pemasangan apa-apa kemudahan, kecuali kerja-kerja kecil, hendaklah luput pada akhir tempoh satu tahun kalendar dari tarikh kebenaran itu diberikan jika pemasangan tidak dimulakan sebelum habis tempoh itu.

(2) Jika kebenaran yang diberikan bagi pemasangan apa-apa kemudahan sudah luput dan suatu permohonan dikemukakan semula bagi pemasangan yang sama, pihak berkuasa tempatan boleh mengetepikan kehendak berkenaan dengan pengemukakan pelan, tetapi peruntukan Undang-Undang Kecil ini tentang fee dan cagaran hendaklah terus terpakai.

(3) Kebenaran untuk menjalankan kerja-kerja kecil hendaklah sah selama tempoh tujuh hari.

18. Apabila selesai pemasangan sesuatu kemudahan, selain kerja-kerja kecil, penyelia berkelayakan hendaklah mengemukakan kepada pihak berkuasa tempatan satu set pelan "siap bina" di atas linen yang menunjukkan tapak dan lokasi kemudahan itu.

Pelan "siap bina".

### BAHAGIAN III

#### KEHENDAK TENTANG PENEMPATAN

19. (1) Sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh menghendaki mana-mana pihak berkuasa kemudahan supaya memindahkan dan menempatkan semula mana-mana kemudahan jika kemudahan itu didapati, sama ada semasa dipasang atau pada bila-bila masa selepas itu, telah ditempatkan tanpa mengikut pelan yang dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan.

Kemudahan yang tidak ditempatkan mengikut pelan.

(2) Kos untuk menempatkan semula sesuatu kemudahan di bawah perenggan (1) hendaklah ditanggung oleh pihak berkuasa kemudahan yang berkenaan.

20. (1) Apa-apa kemudahan baru yang hendak dipasang di sepanjang, melintasi, melalui, di atas, pada atau di bawah mana-mana jalan hendaklah ditempatkan dalam koridor yang diuntukkan bagi kemudahan itu atau jenis kemudahan itu.

Koridor bagi kemudahan.

(2) Koridor yang hendaklah diuntukkan bagi maksud perenggan (1) hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(3) Koridor bagi mana-mana jalan yang tidak dinyatakan dalam Jadual Ketiga hendaklah ditentukan oleh setiap pihak berkuasa tempatan.

(4) Jika sesuatu pihak berkuasa kemudahan bercadang hendak memasang apa-apa kemudahan baru di mana-mana jalan dan—

(a) kemudahan yang dicadangkan itu tidak dapat ditempatkan di tapak dalam koridor yang diuntukkan di bawah Undang-Undang Kecil ini; atau

(b) tiada koridor diuntukkan di jalan itu bagi kemudahan sedemikian,

maka pihak berkuasa kemudahan yang berkenaan hendaklah mengemukakan suatu koridor bagi kemudahan yang dicadangkan itu untuk kelulusan pihak berkuasa tempatan sebelum mengemukakan permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk menjalankan pemasangan itu.

(5) Jika apa-apa pembaharuan, penempatan semula atau penaikan taraf yang dicadangkan bagi kemudahan sedia ada dijangkakan akan meliputi keseluruhan atau suatu bahagian substansial bagi panjang sesuatu jalan, kerja yang dicadangkan hendaklah disifatkan sebagai pemasangan suatu kemudahan baru dan undang-undang kecil ini hendaklah terpakai sewajarnya.

Jalan utama  
penting.

21. (1) Tertakluk kepada perenggan (2) dan (3), tiada kemudahan boleh dipasang di mana-mana jalan utama penting yang tidak mempunyai jalan khidmat kecuali, jika tiada laluan pilihan yang praktik, kemudahan untuk digunakan oleh jalan itu sendiri atau mana-mana premis bidang hadapan atau premis yang bersebelahan dengannya.

(2) Jika kemudahan dibenarkan dipasang mengikut syarat yang disebut dalam perenggan (1), kemudahan itu hendaklah ditempatkan rapat dengan sempadan jalan.

(3) Pemasangan kemudahan utama bawah tanah yang melintasi atau melalui sesuatu jalan utama penting boleh dibenarkan tetapi kemudahan utama itu—

(a) hendaklah dipasang seberapa praktik yang boleh serenjang dengan jajaran jalan; dan

(b) hendaklah ditempatkan sedemikian cara sehingga dapat dielakkan potongan yang dalam, benteng yang tinggi, asas bagi jambatan dan struktur lain, persimpangan bersilang dan kawasan yang basah atau rupa bumi yang berbatuan; dan

(c) hendaklah dipasang dengan menggunakan kaedah teknologi tanpa parit.

(4) Pemasangan kemudahan utama atas yang melintasi jalan utama penting boleh dibenarkan tetapi peruntukan yang berikut hendaklah terpakai bagi kemudahan itu di tempat ia melintasi jalan:

(a) kemudahan itu hendaklah dipasang seberapa praktik yang boleh serenjang dengan jajaran jalan; dan

(b) jaring atau langkah-langkah perlindungan sesuai yang lain hendaklah disediakan di bawah kemudahan itu;

(c) kemudahan itu, termasuk langkah-langkah perlindungan, hendaklah ditempatkan sekurang-kurangnya 6 meter atau lebih tinggi dari paras jalan; dan

(d) kemudahan itu tidak boleh menghalang apa-apa jambatan atau persimpangan bersilang atau apa-apa bahagian yang berlanskap atau berpemandangan indah di sepanjang jalan utama penting itu.

Jalan  
pengumpul.

22. Tiada kemudahan atas boleh ditempatkan di sepanjang jalan pengumpul.

23. (1) Tiada kemudahan atas boleh ditempatkan di sepanjang jalan perdagangan. Jalan perdagangan.

(2) Jika apa-apa kemudahan dibenarkan dipasang di bawah mana-mana jalan perdagangan, maka tidaklah boleh—

- (a) kemudahan itu melentur ke atas sehingga ia menjadi terletak hampir dengan atau melepasi permukaan jalan raya; atau
- (b) apa-apa sambungan khidmat mengunjur melepasi paras siap lorong kaki, atau jalan kaki lima.

24. (1) Tiada kemudahan, kecuali parit hujan lebat, paip gas dan betung, boleh dipasang di sepanjang lorong belakang. Lorong belakang.

(2) Walau apa pun perenggan (1), tiang telefon boleh ditempatkan dalam kawasan perumahan.

(3) Jika sesuatu tiang telefon ditempatkan di sepanjang lorong belakang—

- (a) ia hendaklah ditempatkan serapat mungkin yang praktik dengan dinding sisi parit;
- (b) ia hendaklah ditempatkan tanpa menghalang pintu pagar belakang rumah dan paip pembetulan dan kumbahan;
- (c) dasarnya hendaklah sekurang-kurangnya 0.5 meter lebih dalam daripada asas bagi parit lorong belakang;
- (d) talian telefon atas hendaklah sekurang-kurangnya 4 meter di atas paras permukaan lorong belakang.

25. (1) Tiada kemudahan boleh ditempatkan kurang daripada 0.5 meter dari mana-mana pinggir sesuatu jalan raya, walaupun pinggir itu ialah bebendul jalan. Kemudahan di pinggir jalan raya.

(2) Perenggan (1) tidaklah terpakai bagi jalan utama.

26. Semua kemudahan hendaklah ditempatkan mengikut jajaran liku jalan. Liku jalan.

27. (1) Di simpang jalan, jika kemudahan bersilang antara satu sama lain, keutamaan tapak di persilangan itu hendaklah mengikut susunan yang berikut: Persilangan.

- (a) betung;
- (b) parit hujan lebat dan pengairan;
- (c) sesalur bekalan air;
- (d) sesalur gas;
- (e) talian atau kabel elektrik;
- (f) talian telefon; dan
- (g) kemudahan-kemudahan lain.

(2) Apabila ada kemungkinan bahawa kemudahan akan mencemari atau mengganggu satu sama lain di sesuatu persilangan, kemudahan yang lebih rendah keutamaannya hendaklah memberikan laluan kepada kemudahan yang lebih tinggi keutamaannya.

Jambatan.

28. Jika tiada peruntukan dibuat dalam struktur sesuatu jambatan bagi sesuatu kemudahan yang dicadangkan atau kemudahan yang dicadangkan adalah terlalu besar untuk dapat dimuatkan dalam struktur jambatan itu, kemudahan itu hendaklah dipasang sebagai suatu lintasan bebas.

Perlengkapan bawah tanah.

29. Jika perlengkapan sesuatu kemudahan yang hendak dipasang di bawah tanah adalah lebih lebar daripada koridor yang diuntukkan, maka kemasukan perlengkapan itu ke dalam koridor suatu kemudahan lain boleh dibenarkan asalkan undang-undang kecil 27 dipatuhi.

Perlengkapan atas paras tanah.

30. (1) Semua perlengkapan atas paras tanah bagi apa-apa kemudahan hendaklah ditempatkan sedemikian rupa supaya ia tidak menghalang atau membahayakan pengguna jalan atau lorong belakang.

(2) Kelebaran maksimum perlengkapan atas paras tanah mana-mana kemudahan, jika diukur mengikut kelebaran rizab jalan, tidak boleh melebihi satu meter.

Tiang dawai atas.

31. (1) Semua tiang dawai atas, termasuk mana-mana dawai jalan dan dawai tambat, hendaklah ditempatkan sedemikian rupa supaya ia tidak menghalang atau membahayakan pengguna jalan atau lorong belakang.

(2) Semua tiang dawai atas hendaklah ditempatkan dalam koridor yang diuntukkan dan serapat yang praktik dengan dinding sisi parit, jika ada.

(3) Dawai topang dan dawai tambat tidak boleh ditempatkan menyerong merentangi mana-mana lorong kaki.

(4) Kelegaan minimum bagi apa-apa kabel atau dawai yang merentangi mana-mana jalan hendaklah 6 meter di atas paras jalan raya.

Kabel bagi lampu jalan dan lampu isyarat.

32. Tapak untuk kabel bagi lampu jalan dan lampu isyarat hendaklah ditentukan secara individu oleh pihak berkuasa tempatan yang relevan.

Penempatan kemudahan di bawah parit utama atau parit tepi jalan.

33. (1) Jika apa-apa kemudahan perlu ditempatkan di bawah parit utama atau parit tepi jalan, maka jika tiada apa-apa arahan khusus oleh pihak berkuasa tempatan kemudahan itu bolehlah ditempatkan—

(a) jika parit itu bukan parit konkrit, tidak kurang daripada 0.5 meter di bawah paras lantai dasar parit itu;

(b) jika parit itu parit konkrit, tidak kurang daripada 0.3 meter di bawah asas parit itu.

(2) Tiada kemudahan boleh ditempatkan di bawah parit dengan sebegitu cara sehingga menyebabkan apa-apa halangan kepada fungsi parit itu.

34. Paip perhubungan air ke rumah individu boleh ditempatkan melintasi bahagian laluan air di parit tepi jalan dengan syarat bahawa tampang bawahnya ditempatkan tidak lebih rendah daripada 15 sentimeter di bawah paras muatan parit itu.

Paip perhubungan air.

35. (1) Jika lebih daripada satu kabel, conduit, paip atau kelengkapan lain perlu dipasang bagi apa-apa kemudahan tertentu, maka kabel, conduit, paip; atau kelengkapan itu hendaklah ditempatkan di dalam parit yang sama dalam koridor yang diuntukkan.

Kabel, dsb. berbilang bagi apa-apa kemudahan.

(2) Jika kabel, conduit, paip atau kelengkapan lain yang disebut dalam perenggan (1) perlu ditempatkan di atas satu sama lain, pihak berkuasa kemudahan yang relevan hendaklah memastikan bahawa penempatan yang terhasil tidak akan mewujudkan kesan "dinding" yang akan menghalang pelintasan kemudahan sisian yang lain atau sambungan khidmat.

36. Semua kabel, conduit, paip atau kelengkapan lain yang perlu dipasang di bawah tanah hendaklah ditempatkan sedemikian rupa supaya ia terlindung secukupnya dan supaya ia cukup kuat untuk menampung pelbagai jenis berat kenderaan yang mungkin dibebankan ke atasnya.

Kedalaman dan kekuatan kabel, dsb., bawah tanah.

#### JADUAL PERTAMA

#### BORANG PERMOHONAN

(Undang-Undang Kecil 4)

.....19.....

1. Nama Pemohon:
2. Nama Projek:
3. \*(a) Nama Orang Berkelayakan/Tukang Berdaftar:  
(b) No. Telefon:
4. Spesifikasi Kerja:
5. Tarikh dijangkakan kerja bermula:
6. Tarikh dijangkakan kerja berakhir:
7. Maklumat lain:

Kami yang bertandatangan di bawah ini bersetuju untuk mematuhi Undang-Undang Kecil Kerja Jalan 1996 dan apa-apa terma atau syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan dan akan menanggung segala kos bagi pematuhan itu.

(Tandatangan)

(Tandatangan)

.....  
(Nama dan alamat Pemohon  
dengan huruf besar)

.....  
(Nama dan alamat orang  
berkelayakan dengan huruf  
besar dan capnya)

Untuk Kegunaan Pejabat:

Permohonan diterima pada:

Permohonan diluluskan/ditolak pada:

No. rujukan:

(Tandatangan)

.....  
(Pegawai Pemproses)

#### JADUAL KEDUA

#### FEE

(Undang-Undang Kecil 8)

#### PEMASANGAN KEMUDAHAN SELAIN KERJA-KERJA KECIL

- (a) RM0.50 bagi setiap meter lurus di sepanjang pengorekan.
- (b) RM10.00 bagi setiap tiang atau setiap struktur atau kelengkapan yang seumpamanya.
- (c) RM10.00 bagi setiap bilik kemudahan atau lurang.

#### KERJA-KERJA KECIL

RM10.00 bagi tempoh 7 hari atau sebahagian daripadanya.




JADUAL KETIGA  
KORIDOR BAGI PEMASANGAN KEMUDAHAN  
(Undang-Undang Kecil 20)

1. JALAN UTAMA PENTING


(a) Jalan Duaan

Rajah 1




(b) Jalan Tunggal

Rajah 2



2. JALAN PENGUMPUL


Rajah 3



3. JALAN TEMPATAN


(a) Perdagangan

Rajah 4




(b) Kediaman

Rajah 5



(c) Lorong Belakang dan Lorong Sisi


Rajah 6



